

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 MAC 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia siap sedia hadapi fenomena puting beliung	BERNAMA
2.	Panas melampau	Berita Harian
3.	Ekuinoks bukan punca cuaca panas - Angkasa	Mingguan Malaysia
4.	Hari tanpa bayang	Harian Metro
5.	APMM rampas minyak diesel bernilai RM220,000 di Pulau Redang	BERNAMA
6.	Mimos in the big league with 189 patents	Sunday Star
7.	Better security and clear views	Sunday Star



Malaysia Siap Sedia Hadapi Fenomena Puting Beliung

PUTRAJAYA, 22 Mac (Bernama) -- Malaysia yang selama ini tidak pernah mengalami fenomena puting beliung, kini bersiap sedia menghadapinya.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail berkata negara mengalami lapan kejadian puting beliung tahun lalu, masing-masing empat di darat dan empat di laut yang juga dikenali sebagai 'belalai air'.

Beliau berkata fenomena puting beliung, ribut petir kuat, taufan dan angin kencang merupakan kesan daripada perubahan iklim serta pemanasan global.

"Sebelum ini puting beliung amat jarang berlaku di negara kita. Tetapi tahun lalu ia berlaku. Kemungkinan ia akan berulang atau sebaliknya tidak boleh diramalkan kerana Malaysia masih belum mempunyai kepakaran meramalkannya," katanya Bernama sempena sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2015 esok.

Sehubungan itu Che Gayah berkata MetMalaysia sedang berusaha membawa pakar dari Jepun untuk melatih lebih ramai pegawai cuaca tempatan mengenai kaedah terbaik untuk membuat ramalan tentang puting beliung.

"MetMalaysia juga kemungkinan akan menghantar pegawai ke Amerika Syarikat yang mempunyai ramai pakar, pengalaman serta peralatan canggih berkaitan puting beliung," jelasnya.

Sambutan Hari Meteorologi Sedunia disambut setiap 23 Mac yang kali ini bertemakan 'Iklim: Pengetahuan Untuk Tindakan'.

Beliau berkata tema itu membolehkan negara anggota Pertubuhan Meteorologi Sedunia merangka pelan tindakan dan mitigasi untuk menghadapi perubahan iklim.

Che Gayah berkata sempena hari sambutan, MetMalaysia akan melancarkan "myCuaca" iaitu aplikasi telefon pintar yang menyediakan ramalan dan amaran cuaca harian, gempa bumi dan tsunami serta imej terkini bagi satelit dan radar.

Beliau berkata aplikasi tersebut boleh dimuat turun menerusi Google Play dan Apps Store secara percuma.

Pelancaran aplikasi itu merupakan anjakan MetMalaysia yang antara lain bertujuan meningkatkan kemudahan, kecekapan dan ketelusan sistem penyampaian maklumat serta perkhidmatan kepada rakyat melalui penggunaan teknologi aplikasi mudah alih, katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 18

TARIKH : 22 MAC 2015 (AHAD)

18 NASIONAL

© AHAD 22 MAC 2015 BH

BH 22 MAC 2015 @ AHAD

» Fenomena ekuinoks hadkan aktiviti luar, beri kesan terhadap perniagaan

Laporan Suzannah Jiffar, Dyanah Anwar, Mubd Amir Faiz Ahmad, Farin Abdul Rahim, Hazwan Faisal Mohamad, Tuty Haryanti Ahmad Rodzi, Wurul Fathia Zakaria, Norshahin Lemon, Syazwan Msar, Kalsom Rahmatullah, Aslina Abu Bakar dan M Aliff Tahir
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Cuaca panas di seluruh negara berikutan fenomena ekuinoks menghadkan aktiviti orang ramai di luar, selain memberi kesan terhadap perniagaan kerana kekurangan pengunjung.

Di Kota Bharu, orang ramai mula mengurangkan aktiviti luar sejak sebulan lalu dan tinjauan di Rantau Panjang dan Pengkalen Kubor, Tumpat mendapati pengunjung berkurangan pada waktu tengah hari walaupun cuti persekolahan dan meningkat pada waktu petang.

Peniaga, Ramli Ismail, 42, berkata cuaca panas sejak beberapa hari ini sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan terutama pada musim cuti sekolah kerana pengunjung berkurangan.

Di Johor Bahru, tinjauan di beberapa lokasi sekitar bandar raya mendapati orang ramai terutama yang berkecuali masih menjalankan aktiviti santai dan cuti hujung minggu seperti biasa.

Pemandu lori, Wira Saiboon, 36, berkata walaupun biasanya hujan pada waktu petang, suhu panas masih tetap dirasakan terutama antara jam 12 tengah hari hingga 3 petang.

Di Kuching, keadaan cuaca masih berada pada suhu sederhana dengan kadar suhu di empat bandar utama iaitu Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri mencatatkan maksimum 33 darjah Celsius dan hujan sekejap-sekejap sehingga penghujung bulan depan.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Sarawak, berkata ketika ini Sarawak sedang mengalami keadaan cuaca pada peringkat akhir monsun peralihan kepada monsun barat daya.

Di Seremban, analisis Pejabat Meteorologi negeri mendapati purata suhu maksimum bulanan di negeri ini adalah sekitar 33 darjah Celsius.

Pengarahnya, Mohammad Redzuan Abdul Mon, berkata keadaan panas sekarang adalah ciri normal pada akhir monsun timur laut, menyebabkan keadaan kering dan kurang hujan.

Di Shah Alam, rata-rata penduduk di sekitar Shah Alam, Klang dan Pelabuhan Klang berpendapat keadaan cuaca panas dan kering

Panas melampau



Pekerja memotong rumput berhadapan dengan suhu panas yang melampau di kawasan perumahan. (FOTO: BH/STAM/SHAH ALAM)

ketika ini masih berada pada tahap sederhana.

Aktiviti luar seperti biasa

Tinjauan BH mendapati orang ramai masih menjalankan aktiviti luar seperti biasa walaupun ketiga-tiga kawasan itu mencatat suhu maksimum 32 darjah Celsius sehingga jam 2 petang, semalam.

Peniaga jeti Pulau Ketam yang mahu dikenali sebagai Razif, 30, berkata keadaan cuaca sepanjang bulan ini sudah dijangka akan panas, namun bilangan orang ramai yang menggunakan jeti itu tetap seperti biasa.

Di Putrajaya, keadaan cuaca semalam panas dan berjeremb, dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) hingga jam 3 petang dicatatkan pada tahap sederhana iaitu 75.

Di Kuantan, tinjauan mendapati rumput Padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) yang sering menjadi lokasi orang ramai beriadah dan berkoor pada beriadah-beriadah pada bulan Ramadan bertukar kering.

Jika sebelum ini warnanya hijau, ia bertukar menjadi kuning kekeringan dan keadaan panas juga menyebabkan pengunjungnya berkurangan sejak cuaca panas melanda.

Di Georgetown, rata-rata penduduk di Pulau Pinang menyifatkan bahawa musim panas yang panas ini sebagai biasa kerana ia berpunca ketiadaan hujan sejak awal tahun ini.

tahun lalu.

Kokitangan swasta, Abdul Fariz Abdul Shukur, 27, berkata sejak cuaca panas melanda, beliau akan minum air kosong sekurang-kurangnya empat hingga lima gelas sehari dalam tempoh dua jam.

Di Melaka, fenomena ekuinoks turut memberi kesan kepada penduduk apabila orang ramai, termasuk pelancong menggunakan payung ketika berada di luar.

Tinjauan BH mendapati, kehadiran pengunjung, terutama bagi menyekut badan juga meningkat seperti di Dataran Malaysia Kelang, di sini.

Di Kota Kinabalu, tinjauan mendapati pembelian kipas angin turut meningkat berikutan cuaca panas sejak awal bulan ini. Ada peniaga mendakwa, sebelum ini penjualan kipas angin hanya satu atau dua buah sehari tetapi sejak awal bulan ini, penjualan sehari mencecah tujuh buah.

Di Kuala Terengganu, cuaca panas di negeri itu dijangka berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya empat bulan lagi sehingga hujung depan.

Jabatan Meteorologi Terengganu menyifatkan fenomena cuaca panas ini sebagai biasa kerana ia berpunca ketiadaan hujan sejak awal tahun ini.

Suhu paling tinggi

Padang Besar: Suhu paling tinggi yang dicatatkan di Chuping, lokasi terkenal dengan jolokan kawasan terpanas di Malaysia, semalam adalah 36 darjah Celsius antara jam 2 petang hingga 3 petang.

Suhu tertinggi semalam itu tidak jauh beza daripada suhu tertinggi dicatat sepanjang minggu ini iaitu 37 darjah Celsius.

Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuaca Nasional, Dr Mohd

Hisham Mohd Anis, berkata berdasarkan pemantauan pihaknya, suhu paling tinggi yang dicatatkan di Perlis pada minggu ini adalah 37 darjah Celsius. Suhu tertinggi pernah direkodkan Steen Kajuwaca Chuping sejak awal tahun ini adalah 38 darjah Celsius iaitu pada awal Mac lalu. Bagaimanapun, jika dilihat kepada catatan suhu beberapa hari belakangan ini, kita jangkakan suhu selepas ini tidak

di Chuping

melebihi 38 darjah Celsius," katanya. Mohd Hisham berkata, suhu tinggi yang melebihi 35 darjah Celsius bukan saja dialami kawasan Perlis, malah juga di Kedah, pedalaman Kelantan, pedalaman Pahang dan bahagian utara Perak.

Tahap kualiti udara

Ditanya faktor yang menyebabkan beberapa kawasan di negara ini termasuk Chuping sering mencatatkan suhu yang tinggi, Mohd Hisham berkata tahap kualiti udara berke-

ungkinan menjadi pengaruhnya. Katanya, mungkin bilangan kenderaan di kawasan berkenaan adalah kurang, maka tahap kualiti udaranya adalah lebih baik berbanding tempat lain.

Apabila kualiti udara baik ditambah pula dengan kurangnya kepanasan awan, pancaran sinar matahari akan sampai terus ke muka bumi kawasan berkenaan sekali gus menyebabkan suhu di kawasan itu lebih panas.

Jika kualiti udara di sesuatu kawasan itu rendah, akan berlaku pemalihan sinar matahari yang secara tidak langsung membuatkan cuaca di situ kurang panas," katanya.

Selain itu, kata beliau, kekurangan hujan di kawasan utara Semenanjung serta tiupan angin yang agak perlahan iaitu kurang 10 kilometer sejam juga boleh menjadi faktor cuaca panas yang dialami sejak awal tahun ini.



Seorang kanak-kanak bermain di padang bola yang kering kontang di Kampung Beringin akibat kesan fenomena ekuinoks. (FOTO: FATHIL ASRI/BH)

INFO

Bacaan suhu bandar utama di Malaysia pada 21 Mac 2015

NEGERI/ SUKU (DARJAH CELSIUS)	8 PAGI	12 TENGAHARI	2 PETANG
Kota Bharu	29	33	37
Kangar	26	33	36
Johor Bahru	27	31	36
Alor Setar	27	33	35
Nuaun	27	31	33
Ipo	26	31	33
Putrajaya	27	31	32
Langkawi	29	33	32
Melaka	27	31	32
Seremban	27	31	32
Sibu	26	31	32
Kuala Lumpur	27	31	32
Klang	26	31	32
Kota Kinabalu	29	30	32
Kuala Terengganu	26	31	31
Kuching	30	31	31
Butterworth	28	30	30
Bayan Lepas	25	27	29
Bintulu	29	32	37

Peluang saksikan 'hari tanpa bayang-bayang'

Kuala Lumpur : Orang ramai berpeluang menyaksikan 'hari tanpa bayang-bayang' di kawasan negeri masing-masing, bermula 25 Mac hingga 7 April ini.

Ia berlaku kesan fenomena ekuinoks iaitu pergerakan matahari melintasi garisan Khatulistiwa dari Hemisfera Selatan ke Hemisfera Utara bumi, yang berlaku pada 21 Mac setiap tahun.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara, Mohd Zamri Shah Mansor, berkata ketika fenomena berlaku, kedudukan matahari berada tepat di atas garisan lintang khatulistiwa bumi pada darjah sifar.

Katanya, ketika itu, kedudukan matahari berada tegak di atas kepala menyebabkan hampir tiada bayang-bayang di kaki.

"Fenomena ekuinoks sudah berlaku di Pontianak, Indonesia sekitar jam 6.45 pagi tadi (semalam). Ia turut berlaku di kawasan berhampiran garisan atau latitud yang sama. Selepas ini, kedudukan matahari ini akan beralih ke arah utara Bumi.

"Apabila fenomena ini tiba di Malaysia, ia akan bermula di Johor dan Kuching, Sarawak bermula 25 Mac ini sebelum berakhir di Kangar, Perlis pada 7 April depan. Pergerakan ini berlaku selang dua hari bergantung kepada kedudukan kawasan," katanya ketika dihubungi BH.

Mohd Zamri berkata, orang ramai boleh merasai fenomena berkenaan ketika berada di luar rumah dengan melihat sendiri kedudukan bayang-bayang di kaki mereka pada tempoh sekitar jam 12.30 tengah hari sehingga 1 petang.

"Pergerakan ini akan terus berlaku ke arah utara bumi sebelum beralih ke fenomena Soltis

pada 20 Jun nanti," katanya.

Katanya, semasa fenomena ekuinoks pada 21 Mac, seluruh dunia termasuk di Kutub Utara dan Kutub Selatan mengalami waktu siang dan malam yang sama panjang iaitu 12 jam siang dan 12 jam malam.

Kesan perubahan cuaca

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd Zamri berkata, fenomena ekuinoks bukan faktor utama berlaku peningkatan suhu di negara ini, sebaliknya kesan perubahan cuaca di permukaan bumi dan peralihan angin monsun.

Sementara itu, Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi (MetMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata jerebu yang berlaku di Lembah Klang, pada minggu pertama bulan ini disebabkan pergerakan angin lebih perlahan dengan kelajuan 20 kilometer sejam, cuaca terlalu kering dan panas selain kurang jumlah taburan hujan di kawasan itu.

"Kami menjangkakan lebih banyak pergerakan angin kesan peralihan monsun Timur Laut ke Barat Daya pada minggu depan, sekali gus turut membawa jerebu beralih sekali," katanya.

Katanya, peralihan angin monsun itu akan menyebabkan cuaca lebih lembap khususnya di pantai barat Semenanjung.

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online

Hari tanpa bayang-bayang: Fenomena Ekuinoks di Malaysia



Ekuinoks bukan punca cuaca panas - Angkasa

KUALA LUMPUR 21 Mac - Fenomena ekuinoks yang melanda seluruh dunia hari ini bukan penyebab utama kepada cuaca panas yang melanda Malaysia pada masa ini.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Mohd. Zamri Shah Mastor berkata, musim panas yang melanda negara kini lebih dipengaruhi oleh faktor cuaca di permukaan bumi.

"Pendapat daripada sesetengah pihak bahawa ekuinoks menyebabkan suhu menjadi panas adalah tidak benar kerana semasa fenomena ini berlaku, bumi tidak berada terlalu hampir atau terlalu jauh dengan matahari.

"Sebaliknya, kadar tiupan angin dan faktor pembentukan awan yang membawa hujan merupakan antara penyebab utama kepada musim panas kini," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Fenomena ekuinoks berlaku di seluruh dunia pada pukul 6.45 pagi ini waktu Malaysia, menyaksikan matahari melintasi garisan Khatulistiwa untuk mengubah kedudukannya dari hemisfera selatan ke hemisfera utara.

Ketika fenomena itu berlaku, masyarakat yang tinggal di kawasan berdekatan dengan



Sebaliknya, kadar tiupan angin dan faktor pembentukan awan yang membawa hujan merupakan antara penyebab utama kepada musim panas kini."

MOHD. ZAMRI SHAH MASTOR
Pegawai Sains Agensi
Angkasa Negara (Angkasa)

garisan Khatulistiwa akan mendapati matahari berada tepat di atas kepala pada waktu tengah hari.

Selain itu, waktu siang dan malam juga akan sama panjang iaitu 12 jam siang dan 12 jam malam.

Sementara itu, Penolong Pegawai Perhubungan Awam Angkasa, Asmidar Zainol berkata, fenomena ekuinoks tidak dirasai di Malaysia memandangkan tempoh siang dan malam di negara ini adalah sama.

"Fenomena ini lebih dirasai di negara empat musim yang waktu siang dan malamnya tidak sama panjang," jelasnya.

Hari tanpa bayang

■ Tempias fenomena Ekuinoks dapat disaksi Rabu ini

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Johor Bahru dijangka kawasan pertama di negara ini mengalami Hari Tanpa Bayang-Bayang iaitu pada Rabu ini diikuti ibu negara tiga hari kemudian.

Ini berikutan tempias fenomena Ekuinoks yang menyebabkan cuaca panas terik melanda negara ketika ini, selain peringkat akhir Monsun Timur Laut iaitu keadaan cuaca lebih kering, terutama di utara Semenanjung dan dijangka berterusan sehingga penghujung Mac ini.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) Dr Nordin Ahmad berkata, fenomena Ekuinoks berlaku apabila matahari melintasi garisan Khatulistiwa untuk mengubah kedudukannya dari hemisfera Selatan bumi ke hemisfera utara selepas enam bulan berada di hemisfera selatan yang bermula semalam.

"Kita menjangkakan hari tanpa bayang itu akan melanda Johor Bahru terlebih dulu sebelum bergerak ke negeri lain.

"Seperti di Pontianak, Indonesia hari ini (semalam) yang berdekatan dengan garisan Khatulistiwa apabila matahari berada tegak di atas kepala pada waktu tengah hari dan fenomena ini bergantung kepada waktu tempatan masing-masing.

"Ketika matahari tegak di langit, orang ramai tidak dapat melihat bayang-bayang mereka seperti kebiasaan dan dipanggil Hari Tanpa Bayang-Bayang," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Negara pernah mencatat suhu tertinggi iaitu 40.1 darjah Celsius di Chuping, Perlis pada 1998 sehingga menyebabkan kemarau panjang di sebahagian kawasan di negara ini manakala suhu kedua tertinggi iaitu 38.9 Celsius dicatatkan di kawasan sama pada 18

Mei tahun lalu.

Dr Nordin berkata, fenomena Ekuinoks dirasai oleh seluruh dunia yang akan mengalami waktu siang dan malam yang sama panjang iaitu 12 jam siang dan 12 jam malam.

"Fenomena ini adalah perkara biasa setiap 21 Mac dan 21 September setiap tahun. Tiada yang istimewa pada hari berkenaan, selain cuaca lebih panas dan matahari berada tepat di atas kepala menyebabkan kita tidak nampak bayang-bayang kita kalau berdiri di tengah panas," katanya.

Dalam satu kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia me-

maklumkan negara ketika ini sedang berada pada penghujung Monsun Timur Laut dan dijangka berakhir pada penghujung Mac ini.

"Kebanyakan kawasan terutama di utara Pantai Barat Semenanjung kurang menerima hujan dalam tempoh panjang menyebabkan berlakunya cuaca panas dan kering.

"Cuaca panas dan kering ini dijangka berakhir penghujung Mac ini berikutan bermulanya musim peralihan yang akan membawa lebih banyak hujan," katanya ketika ditemui, semalam.

FAKTA
Fenomena Ekuinoks
dirasai oleh seluruh
dunia



KANAK-KANAK menikmati pancuran air di Dataran 1Malaysia, Klabang berikutan cuaca panas yang melanda sekarang.



APMM Rampas Minyak Diesel Bernilai RM220,000 Di Pulau Redang



SETIU, 22 Mac (Bernama) -- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Daerah Maritim (DM) 9 Kuala Terengganu merampas kira-kira 100,000 liter cecair minyak diesel bernilai hampir RM220,000 yang disyaki diseludup.

Ketua Penguatkuasa DM 9, Laksamana Pertama Maritim Xavier Thevandas berkata minyak diesel itu ditemui ekoran penahanan sebuah kapal kargo minyak Mongolia kira-kira pukul 1 pagi Jumaat lalu, yang sedang bersauh di Pulau Redang, dekat sini.

Katanya, pemeriksaan terhadap kapal itu mendapati master kapal gagal mengemukakan perlepasan perlabuhan dan tidak melaporkan ketibaan di perairan Malaysia.

"Sampel minyak tersebut telah dihantar ke [Jabatan Kimia Malaysia](#) untuk pengesahan lanjut untuk memastikan sama ada minyak itu adalah minyak bersubsidi atau tidak.

"Jika minyak itu adalah minyak bersubsidi perkara ini akan dirujuk kepada Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk tindakan selanjutnya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau menambah APMM turut menahan enam anak kapal warganegara Indonesia yang berusia antara 21 dan 53 tahun, namun siasatan mendapati kesemua mereka mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

Menurut Xavier, pihaknya tidak menolak kemungkinan berlaku aktiviti pemindahan minyak atau menerima minyak di tengah laut sebelum dikesan APMM, namun siasatan lanjut sedang giat dijalankan.

Katanya kapal terbabit dipercayai belayar dari pelabuhan Kemaman pada 18 Mac lalu sebelum bersauh di pulau peranginan itu.

Bagaimanapun, APMM tidak dapat membawa pulang kapal tersebut ke jeti APMM di Kuala Terengganu kerana mengalami kerosakan pada bahagian enjin.

Xavier berkata master kapal itu boleh didakwa di bawah Kaedah 10 (1) dan kaedah 15 Peraturan Perlabuhan Persekutuan 1953 iaitu tidak memaklumkan ketibaan kapal di Malaysia.

Peraturan itu memperuntukkan denda maksimum RM10,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

-- BERNAMA

Mimos in the big league with 189 patents

I AM writing in reference to the article under the heading "Rewiring the Brain" that appeared in *StarEducate* (March 15).

In particular, I am referring to the statements regarding **Mimos Berhad** that was attributed in the article to Elanggovan Thangavilo.

In the past eight years, Mimos (which is Malaysia's national research and development centre in information and communication technology) researchers have developed over 900 inventions.

It must be said that 189 of the inventions have been granted as patents by the Malaysian Intellectual Property Office.

Of these inventions, 110 of them have been commercialised and 43 inventions were created during the period from 2012 to 2014.

The result was attested by World Intellectual Property Organisation (Wipo).

In 2013, Mimos was ranked sixth by Wipo under the government-funded

research organisation category joining the league of big organisation such as Fraunhofer Institute.

Mimos was ranked the third most innovative design studio globally by Red Dot (an international product design and communication design prize awarded in Germany).

Elanggovan's source is likely someone who is not aware of the above-mentioned facts.

A patented invention is by definition a unique technological development and clearly Mimos Berhad has been consistently developing new and unique inventions, not only in the past three years..

I hope this will serve to set the record straight for your readers regarding Mimos' continuing efforts at technological innovation for national development.

A. HELMI A. HALIM
Head of Corporate Market Strategy
Mimos Berhad

KERATAN AKHBAR
SUNDAY STAR (HOME & LIVING) : MUKA SURAT 04
TARIKH : 22 MAC 2015 (AHAD)



Majestec security screens are custom made and come in a variety of colours.

Better security and clear views

WE often worry of unwanted house "guests" like intruders, stray animals and pesky insects that affect security and health.

Majestec Security Screens offers your home security, insect screens, ventilation and clear vision. This aesthetic and functional product is of Australian ingenuity. It utilises the latest in Japanese high-tensile wire materials interwoven into strong stainless steel mesh for maximum strength.

The screens allow free flow of fresh air into your home, naturally cooling your living space and also reducing energy consumption. At night, windows can be left open without any worries. The high-tensile mesh is resilient and hard to cut or break through.

Majestec products have been tested and surpassed standards for impact resistance,

point load test, knife shear, jimmy and pull tests. It also protects glass and timber doors from breakage and damage. Majestec products have met the requirements of Australia and Malaysia Sirim Standard (AS 5039:2008) for security screen doors and window grilles.

Due to its fine mesh, the almost invisible screens allow you a clear view of the outdoors without compromising appearance and security. Locks and handles are specially designed for safe and rapid exit in emergencies.

Majestec security screens are custom-made and come in many colours. The frames are powder-coated to enable them to last over 10 years. Made of marine-grade steel, the mesh is rust-proof and requires low maintenance.

Majestec's products include awning windows, casement windows, hinged doors,

French doors, bi-fold doors, sliding doors and windows, stacker doors, fixed panels, pool fencing and balustrades and fire escapes. Curved and triangular panels are available too.

Majestec holds several patents for its fixing system of binding the stainless steel mesh to the frames. Majestec products are sold all over the world, including Australia, South Africa and the United States. These countries require a product to be subjected to stringent testing before being sold to the public.

■ Visit Majestec's showroom at The Curve Shopping Mall, Lot 219B, 2nd Floor, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, Selangor. Now available in Malaysia and Singapore, call 1300 88 MESH (6374), 03-6156 1615 or visit www.majestec.com for details.